



KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri
62502 Putrajaya

KEHADIRAN PENJAWAT AWAM KE PROSIDING PAC PARLIMEN

Cadangan daripada Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) supaya suatu mekanisme diwujudkan oleh Kerajaan agar semua pegawai Kerajaan dan bekas pegawai Kerajaan termasuklah Pegawai Pengawal dan Ketua Setiausaha Kementerian mematuhi arahan PAC menghadiri mana-mana prosiding PAC bagi memberi keterangan adalah diambil perhatian.

Setiap anggota Perkhidmatan Awam yang dipanggil untuk ke prosiding PAC Parlimen adalah bagi maksud memberi keterangan, penjelasan atau apa-apa maklumat yang diperlukan bagi prosiding tersebut. Justeru, pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam sentiasa bersedia untuk memberi kerjasama kepada mana-mana pihak bagi maksud ini.

Selaras dengan Peraturan 77(5) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC sememangnya mempunyai kuasa untuk memanggil mana-mana individu untuk hadir di hadapannya atau meminta individu itu untuk mengemukakan apa-apa surat, rekod atau penyata kepada PAC dari semasa ke semasa. Kegagalan mana-mana individu termasuklah mana-mana pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat atau telah bersara mematuhi perintah PAC tersebut boleh terjumlah sebagai suatu kesalahan di bawah seksyen 9 Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347] kerana menghina Majlis Parlimen.

Dalam memberikan keterangan di prosiding PAC, mana-mana individu termasuklah mana-mana pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat atau telah bersara adalah tertakluk kepada undang-undang yang sedang berkuat kuasa termasuklah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88], Akta Keterangan 1950 [Akta 56] dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709], serta tidak melibatkan perkara-perkara yang sedang dalam prosiding mahkamah.

Selanjutnya, bagi pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat, suatu garis panduan bertajuk "Memberi Keterangan Kepada Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat: Garis Panduan Untuk Pegawai Awam" telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 21 Mac 2023 untuk memberi penjelasan dan panduan dalam memberi keterangan di hadapan mana-mana jawatankuasa pilihan dalam Dewan Rakyat termasuklah PAC.

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Ketua Setiausaha Negara

17 Ogos 2023